



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2022



eISSN 2811-3802



9772811380008

MEMANGKIN USAHA SAMA INDUSTRI, ALUMNI & KOMUNITI

PROGRAM “YOUR CAREER PATH BEGINS HERE!” MEMACU KEBOLEHPASARAN GRADUAN

SITI AISHAH MOHD SHAFIE, NOOREZATTY MOHD YUSOP, NURALINA AZLAN
& NOR AKMAL MD NOH

Melangkah kaki keluar dari universiti merupakan satu perubahan fasa besar bagi diri seorang pelajar dimana pelajar bakal berdepan dengan cabaran baru bagi meneruskan kehidupan. Perubahan fasa baru ini membawa pelajar ke suatu alam yang mencabar dan meruntun segala pengalaman dan kemahiran yang dipelajari sepanjang di Universiti. Itulah yang dipanggil alam pekerjaan.

Pada tanggal 22 Jun 2022, dengan kerjasama Persatuan Insight Statistics Seremban 3 (INSTATS3) dan Jawatankuasa Aktiviti Pembangunan Pelajar Pusat Pengajian Statistik dan Sains Pemutusan, FSKM UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban, satu forum bertajuk ‘Your Career Path Begins Here!’ telah dianjurkan khusus buat mahasiswa program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Statistik melalui platform You Tube Live.

Program ini dianjurkan untuk membantu mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang statistik mengetahui dan mengenali hala tuju mereka setelah menjadi graduan statistik kelak. Dengan itu, ianya dapat membantu mereka membuat persediaan awal bagi mencari peluang pekerjaan yang signifikan dengan bidang statistik. Melalui perkongsian dari panel alumni tentang pengalaman yang-

telah dilalui setelah menamatkan pengajian sebagai graduan statistik, ianya serba sedikit dapat menyuntik semangat dan motivasi kepada para mahasiswa dalam mengharungi zaman belajar kini dan di alam pekerjaan nanti.

Dua orang panel jemputan forum iaitu Encik Zahir Syukri Bin Shaaibon dan Cik Nur Fatin Binti Mohamed Zain adalah alumni program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Statistik di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban. Panel pertama iaitu Encik Zahir Syukri yang kini bekerja di TM One sebagai Penolong Pengurus mempunyai pengalaman yang luas dalam syarikat telekomunikasi dan penyelidikan pasaran khusus bagi syarikat swasta. Beliau juga pernah dinobatkan sebagai Top 10 Best Project Leader for Final Project Entrepreneurship dan SME Census Project-Crystal Award 2018. Manakala panel ke dua, Cik Nur Fatin pula merupakan antara graduan cemerlang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Statistik dan pernah mendapat 2nd Runner-up for the Best Final Year Project (FYP) Report Writing. Beliau yang berpengalaman mengendalikan data raya terkini bertugas di CIMB Bank sebagai Penganalisa Perniagaan dan pada masa yang sama, beliau juga sedang menyambung pengajian ke peringkat Sarjana di dalam bidang Sains Data.



Poster hebahkan 'Your Career Path Begins Here!' yang disertai oleh peserta khususnya bidang statistik di UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban

Program berdurasi hampir 2 jam 30 minit telah merungkai pelbagai persoalan yang menarik antaranya kedua-dua panel jemputan. Mereka berkongsi perjalanan kerjaya mereka bermula dari pengalaman mengikuti latihan industri sehinggalah mereka berada di posisi sekarang. Mereka menekankan supaya persediaan rapi perlu dilakukan bagi menghadapi rintangan dan cabaran terutamanya apabila berhadapan dengan negara dimana negara berada dalam fasa pandemik. Keadaan pandemik ini adalah suatu pengalaman baru bagi setiap rakyat Malaysia.

Encik Zahir Syukri menegaskan bahawa adalah sangat penting bagi setiap individu mempunyai pembahagian masa yang efektif diantara masa bekerja, berehat dan beriadah, walaupun hanya bekerja di rumah. Beliau juga menyarankan jika satu-satu individu itu bekerja dari rumah perlulah menyediakan suatu tempat kondusif untuk melakukan pekerjaan. Ini kerana dari pengalaman beliau, dengan mempraktikkan tempat kerja yang kondusif dapat memberikan suasana bekerja yang lebih fokus semasa pekerjaan dilakukan. Suasana bekerja itu akan lebih baik lagi jika ditambah dengan aktiviti riadah atau bersukan. Ini kerana dengan beriadah atau bersukan adalah sangat membantu untuk mengurangkan berbagai tekanan walaupun di fasa pandemik ini.

Persediaan untuk sebarang kemungkinan dan perubahan secara drastik memerlukan ketahanan diri dari segi mental dan fizikal, dimana ianya adalah salah satu kaedah untuk mengekalkan momentum bagi mencapai peningkatan di alam kerjaya. Cik Nur Fatin banyak memberi penerangan mengenai kepentingan penjagaan kesihatan mental di mana setiap daripada kita berkemungkinan mengalami tahap kesihatan mental yang lemah tanpa kita sedari. Mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah adalah salah satu sikap yang banyak mendorong beliau untuk menghadapi sebarang tekanan dan cabaran di alam pekerjaan.

Berbagai kemahiran tambahan didalam diri individu diperlukan oleh industri sebagai langkah untuk memenuhi perubahan struktur pengoperasian industri apabila terjadinya fasa pandemik. Kedua-dua panel berpesan agar setiap individu perlu mempunyai kemahiran tambahan atau kemahiran istimewa yang membezakan antara satu-satu individu. Inilah cabaran terbesar yang perlu dipenuhi oleh warga universiti sebelum melangkah ke alam pekerjaan dan tiada istilah terlambat untuk melakukan sebarang persiapan kerana ianya terletak di dalam diri individu masing-masing bagaimana untuk mencorakkannya.

Penganjuran forum ini telah membuka ruang kepada warga universiti dan alumni untuk mengeratkan hubungan di antara keduanya, serta menggalakkan penglibatan alumni untuk menyumbang semula kepada universiti. Sesi forum yang telah dianjurkan menunjukkan respon yang amat positif di kalangan warga universiti ketika sesi soal-jawab di penghujung program. Secara keseluruhan, maklum balas positif telah diterima daripada warga universiti. Mereka juga bersetuju program yang dianjurkan telah meningkatkan kemahiran insaniah yang dapat membantu mereka maju di dalam perjalanan kerjaya kelak. Oleh itu, penganjuran program seperti ini disarankan agar dapat diteruskan sebagai wadah perkongsian ilmu di antara warga universiti dan alumni.